

10 JUL 1998

Mahathir-Tempatan

DR MAHATHIR CADANG TEMUI PENGIMPORT DAN PENGEKSPORT

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bercadang menemui pengimport dan pengeksport tempatan bagi meminta mereka membantu usaha pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata beliau akan mencadangkan kepada mereka supaya meningkatkan eksport negara sebagai salah satu cara yang boleh membantu ekonomi negara.

"Kalau kita boleh mengeksport lebih banyak barangan, kita akan dapat banyak tukaran mata wang asing," katanya ketika berucap melancarkan Ekspo Cintai Malaysia '98 di The Mines, Sungai Besi di sini.

Katanya, beliau juga akan mencadangkan supaya mata wang negara berkenaan digunakan bagi eksport barangan Malaysia memandangkan nilai dolar Amerika telah meningkat berbanding ringgit.

Perdana Menteri juga mencadangkan supaya pengimport dan pengeksport tempatan menggunakan pelabuhan-pelabuhan tempatan terutama Pelabuhan Klang, selain khidmat perkapalan, insurans dan kemudahan pengangkutan tempatan bagi mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

Beliau berkata caj Pelabuhan Klang adalah antara yang terendah di dunia dan pengeksport dapat manfaat dengan menggunakan pelabuhan-pelabuhan tempatan.

"Setiap kali mereka (pengekспорт) berbuat demikian, mereka akan membantu memperkayakan negara. Jika kita menguruskan ekonomi kita dengan baik, kita boleh menjadi kaya semula," kata beliau.

Semua ini bergantung kepada masyarakat perniagaan, katanya.

Dr Mahathir juga berkata kempen "Beli Barangan Malaysia" bukanlah suatu tindakan pemuluan tetapi oleh kerana negara kini tidak mempunyai wang, rakyat terpaksa menjimatkan perbelanjaan dengan membeli barangan tempatan.

Katanya, apabila rakyat membeli barangan tempatan, ringgit tidak terlepas ke luar negara dan akan terus beredar di dalam negara.

Dr Mahathir berkata 70 peratus perdagangan import dan eksport Malaysia dijalankan dengan menggunakan dolar US dan keadaan perlu diubah untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

Sambil menyebut bahawa Malaysia mengalami kenaikan harga barangan, beliau menyeru rakyat Malaysia berusaha memulihkan masalah itu dengan mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap barangan keluaran tempatan dengan membeli buatan Malaysia.

Dengan memberi contoh kereta nasional, Proton, beliau berkata kereta itu telah menerima pengiktirafan dunia dengan memenangi pelbagai anugerah di luar negara.

"Ini membuktikan yang Malaysia boleh mengeluarkan barangan dengan kualiti yang bertaraf dunia," katanya.

Oleh itu, kata beliau, rakyat Malaysia sendiri hendaklah sentiasa menyokong barangan buatan Malaysia.

Dr Mahathir berkata pada satu ketika dahulu, barangan buatan Jepun pernah dikatakan tidak berkualiti tetapi hari ini mereka muncul sebagai pengeluar barangan bermutu tinggi.

Beliau mahu Malaysia juga mencapai tahap itu dan mengeksport ke seluruh dunia produk-produk yang berkualiti tinggi.

"Kita mesti yakin kepada diri sendiri, dan kita juga telah menunjukkan kita boleh mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi," katanya.

-- BERNAMA
NZ MNY NMO